

24 NOV 2003

Agong-Perutusan

UMAT ISLAM PERLU PERKEMASKAN DIRI DENGAN AJARAN TULEN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu umat Islam di negara ini memperkemarkan diri mereka dengan ajaran Islam yang tulen dan berusaha meningkatkan imej Islam sebagai agama yang menjurus kepada perpaduan dan keamanan sejagat.

Dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri, Seri Paduka Baginda bertitah tindakan segelintir umat Islam menjatuhkan maruah masyarakat Islam dengan melakukan jenayah keganasan telah menyebabkan Islam dilabel sebagai penggalak kepada keganasan.

"Beta kecewa kerana rakyat negara ini turut terlibat dengan gejala keganasan ini. Sebenarnya mereka ini tidak memahami ajaran Islam yang sebenar tetapi berselindung di sebalik agama Islam untuk melakukan keganasan," titah Seri Paduka.

Menurut baginda, Islam tidak menggalakkan keganasan tetapi menggalak kepada sikap toleransi tanpa persengketaan sama ada antara umatnya sendiri ataupun dengan umat manusia yang lain di dunia ini.

Yang di-Pertuan Agong juga mengingatkan umat Islam supaya menjadikan sambutan Aidilfitri sebagai landasan untuk meningkatkan hubungan silaturrahim di kalangan mereka demi membina sebuah masyarakat yang lebih mantap dan bertoleransi.

Baginda juga berharap rakyat yang bukan beragama Islam supaya bersama-sama merayakan Aidilfitri bersama-sama jiran, sahabat dan rakan sejawatan.

"Dengan berbuat demikian, diharap persefahaman antara kaum akan dapat dikekalkan malah ditingkatkan lagi di antara kita berbilang bangsa," titahnya.

Menurut Seri Paduka, Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai tanda kemenangan umat Islam berjaya melaksanakan ibadah puasa Ramadan selama sebulan selain sebagai satu kesempatan untuk meningkatkan lagi hubungan silaturrahim antara masyarakat melalui amalan tradisi kunjung mengunjung serta mengadakan rumah terbuka.

Seri Paduka bertitah tradisi yang telah diamalkan itu perlu diteruskan kerana ia menjadi asas kepada kestabilan serta keharmonian masyarakat Malaysia, manakala kerajaan sendiri telah melaksanakan konsep Rumah Terbuka Malaysia untuk semua perayaan besar di negara ini.

"Di samping kita bergembira di Hari raya, Beta berharap rakyat Beta tidak melupakan juga golongan yang kurang upaya yang memerlukan bantuan masyarakat untuk kehidupan mereka," titah Seri Paduka.

Dalam perutusannya itu juga, Yang di-Pertuan Agong melahirkan rasa gembira kerana pertukaran pucuk pimpinan negara baru-baru ini telah berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan kestabilan negara.

Seri Paduka berharap Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan dapat mentadbir negara ini ke arah kejayaan yang lebih gemilang.

"Beta yakin dengan kerjasama yang padu diberikan oleh Jemaah Menteri, semua kakitangan awam dan sektor swasta serta masyarakat keseluruhannya, negara ini akan berada di kedudukan yang tertinggi dari segi pencapaiannya di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri.

"Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad atas segala sumbangannya meletakkan Malaysia di paksi kejayaannya seperti yang dicapai sekarang. Beta berdoa semoga beliau sentiasa sihat dan berjaya di dalam bidang lain yang diceburinya," titah

Seri Paduka.

Seri Paduka juga mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada anggota pasukan keselamatan negara sama ada pihak Polis DiRaja Malaysia ataupun Angkatan Tentera Malaysia yang terpaksa berkorban bertugas di musim perayaan ini demi untuk memberi keselesaan kepada rakyat jelata.

-- BERNAMA

AT KHY MAI